

**PERMASALAHAN SEMPADAN DAN TUNTUTAN WILAYAH: KAJIAN LATAR  
BELAKANG HUBUNGAN DAN SEJARAH AWAL HULU PERAK-REMAN  
SEBELUM 1882**

***BORDER ISSUES AND TERRITORIAL CLAIMS: A STUDY ON THE BACKGROUND  
OF EARLY HISTORY AND RELATIONSHIPS BETWEEN HULU PERAK AND  
REMAN PRIOR TO 1882***

**Shuwaibah Rasidi\***  
**Zulkanain Abdul Rahman\*\***  
**Universiti Malaya, Malaysia**

**Abstrak**

Pensejarahan Hulu Perak dan negeri Reman kurang diketengahkan dalam penulisan dan kajian sejarah tempatan termasuk dalam soal persempadanan wilayah. Bahkan kebanyakan kajian berkaitan sempadan Negeri- negeri Melayu (NNM) di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu lebih tertumpu kepada perbincangan berkaitan hubungan British dan Siam tanpa memperdalami konflik yang berlaku antara dua wilayah tersebut. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menengahkan isu tersebut dengan memberi perhatian kepada latar belakang konflik perebutan wilayah antara Perak dan Reman sebelum tahun 1882. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berteraskan kajian sejarah dan analisis dokumen. Manakala analisis dilakukan menggunakan pendekatan tematik dan deskriptif. Dalam kaedah ini, penelitian terhadap sumber pertama daripada rekod British iaitu mikrofilem dan fail rasmi seperti Rekod Pejabat Hubungan Luar British (FO) dan Pejabat Tanah Jajahan British (CO) telah dilaksanakan selain sumber kedua seperti jurnal, buku, akhbar dan sumber internet. Kajian mengenai permasalahan sempadan antara Hulu Perak dan Reman sebelum tahun 1882 ini mempunyai kepentingan dari perspektif sejarah dan geopolitik. Kajian ini dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai konflik sempadan yang mempengaruhi hubungan politik antara dua wilayah tersebut. Kajian ini juga dapat menyumbang kepada kajian-kajian berkaitan persempadanan di Malaysia pada masa akan datang.

**Kata kunci:** Negeri-Negeri Melayu, Siam, Hulu Perak, Reman, sempadan.

**Abstract**

*The history of Hulu Perak and Reman has been largely overlooked in local historical writings and studies, including those related to boundary demarcation. Most studies on the northern Malay States (NMS) border focus on discussions of British-Siamese relations without delving into the conflicts between these two regions. This paper aims to highlight this issue by examining the background of the territorial disputes between Perak and Reman before 1882. Qualitative research methods based on historical analysis and document analysis were used in this study. Thematic and descriptive approaches were employed in the analysis, which involved primary sources such as British records on microfilm and official files such as the Foreign Office (FO) and Colonial Office (CO) records, as well as secondary sources such as journals, books, newspapers, and online sources. The study of border issues between Hulu Perak and Reman before 1882 is significant from a historical and geopolitical perspective. It provides a clear understanding of the border conflict that influenced the*

*political relations between these two regions. This study also contributes to future research on territorial boundaries in Malaysia.*

*Keywords: Malay states, Siam, Hulu Perak, Reman, boundary.*

## **Pengenalan**

Hulu Perak dan Kerajaan Reman berada dalam lingkungan sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand pada hari ini di mana sempadan tersebut merangkumi empat buah negeri Malaysia yang bersempadan dengan Thailand. Dari hala utara menganjur ke selatan adalah Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Manakala di sebelah Thailand pula terdiri daripada empat buah wilayah iaitu Satun, Songkhla, Yala dan Narathiwat.<sup>1</sup> Sebelum abad ke 19, tiada garis sempadan yang nyata dan tetap di Negeri-Negeri Melayu (NNM) termasuk dua kawasan terbabit. Menurut Mohd Supian Sabtu, sempadan merupakan penandaan secara khusus terhadap wilayah yang mempunyai komuniti masyarakat yang mengamalkan kehidupan secara berpusat. Persempadanan di NNM secara umumnya bersifat kabur dari sudut arkeologi. Asas pemilihan petempatan didapati banyak dipengaruhi oleh unsur eksploitasi lingkungan geografi dan dibuktikan melalui peninggalan data arkeologi.<sup>2</sup>

Sebelum kedatangan British, orang Melayu mempunyai takrifan tersendiri terhadap konsep sempadan yang lazimnya merujuk kepada pusat kerajaan dan pentadbiran di mana seseorang sultan atau raja bersemayam. Terdapat konsep-konsep sempadan yang disebut dalam teks-teks Melayu dan karya sastera sejarah namun garis sempadan yang secara fizikal tidak dibicarakan dalam penulisan tersebut selain sempadan negeri yang berasaskan konsep ruang dan wilayah.<sup>3</sup> Ini menunjukkan bahawa konsep sempadan yang wujud di NNM adalah mengikut pemahaman masing-masing dan disesuaikan mengikut keperluan semasa serta berdiri di atas norma kebiasaan masyarakat Melayu ketika itu. Pemahaman tentang konsep sempadan seperti ini turut diaplikasi di wilayah Hulu Perak dan Reman. Ini terbukti dalam keterangan seorang penduduk tempatan bernama Syed Alahadin kepada Sir Hugh Low bagi menyokong tuntutan Perak ke atas wilayah tersebut yang menyatakan bahawa pembahagi antara Hulu Perak dengan Reman adalah Bukit Berapit. Bukit ini telah membahagikan sungai Reman dan Perak; masing-masing satunya mengalir ke Reman dan satu lagi mengalir ke Perak. Syed Alahaddin turut menegaskan bahawa “...*from ancient times, through the reigns of many Rajahs and Chiefs who governed Perak, those were considered boundaries*”<sup>4</sup>

Ketiadaan sempadan fizikal yang jelas antara Hulu Perak dan Reman secara tidak langsung telah mewujudkan perebutan wilayah antara pentadbir Hulu Perak dan kerajaan Reman sehingga memaksa kerajaan Perak meminta bantuan British. Wilayah ini menjadi rebutan berikutan kewujudan sumber mineral yang banyak di kawasan tersebut misalnya Klian Intan, Klian Indah dan Kroh.<sup>5</sup> Kawasan-kawasan perlombongan ini memberi hasil yang lumayan dan telah menjadi penyumbang utama pendapatan istana dan kerajaan Perak. Selain itu, kawasan hutan di utara Hulu Perak pula menjadi habitat gajah yang turut dijadikan sumber pendapatan penduduk tempatan termasuk Reman.<sup>6</sup> Gajah bukan sahaja dijadikan sebagai komoditi penting perdagangan, tetapi juga berperanan dalam kebanyakan urusan sosial masyarakat Melayu pada ketika itu seperti pengangkutan, perubatan dan adat budaya.<sup>7</sup> Sehubungan itu penentuan sempadan ini adalah amat perlu bagi menentukan hak penguasaan ke atas wilayah yang kaya dengan bijih timah tersebut. Oleh itu adalah menjadi hasrat makalah ini untuk menyatakan bahawa wilayah yang menjadi rebutan tersebut adalah sangat penting dari sudut politik dan ekonomi kepada kedua-dua kerajaan sama ada Perak atau Reman. Penyelesaian sempadan bagi wilayah yang dituntut menjadi satu keperluan yang mendesak. Dalam pengkajian ini, tumpuan akan difokuskan kepada latar belakang sejarah Hulu Perak dan kerajaan Reman serta hubungan yang wujud antara keduanya sebelum tuntutan wilayah diajukan oleh Raja Yusof; Raja Muda Perak kepada British secara rasminya pada tahun 1882.<sup>8</sup> Kajian tentang latar belakang ini signifikan untuk memberi gambaran yang jelas berhubung konflik sempadan yang mempengaruhi hubungan politik antara dua wilayah tersebut.

### **Sejarah Awal dan Pengasasan Hulu Perak**

Sejarah awal pengasasan wilayah Hulu Perak didapati kurang jelas namun sumber arkeologi menunjukkan bahawa sudah ada bukti kewujudan manusia di bahagian utara dan tengah negeri Perak sejak zaman paleolitik, mesolitik dan neolitik misalnya Manusia Perak atau *Perak Man*.<sup>9</sup> Walau bagaimanapun, terdapat penulisan tempatan yang menyatakan kawasan Hulu Perak diasaskan oleh Tun Saban, anak kepada Tun Perak; Bendahara Paduka Raja negeri Melaka atau Tun Saban Balek.<sup>10</sup> Selepas jatuhnya Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511, Sultan Mahmud Shah (Sultan Melaka) berundur ke Muar dan kemudian ke Pahang seterusnya bergerak ke Bentan untuk membina kerajaan. Di Bentan, beberapa percubaan merebut semula Melaka telah dilancarkan tetapi berakhir dengan kekalahan apabila Portugis menyerang pada tahun 1526. Sultan Mahmud sekali lagi terpaksa berundur dan mendirikan kerajaan di Kampar. Turut sama dalam angkatan baginda ketika itu adalah Tun Saban sekeluarga yang terdiri daripada isteri dan anak-anaknya; Tun Kelewang, Tun Undan, Tun Dalap (perempuan), Tun Kelalang, Tun Belonak, Tun Merah (perempuan) dan Tun Bongsu serta dua orang saudara perempuan Tun Saban.<sup>11</sup> Kemudian Tun Saban sekeluarga berhijrah pula ke Hulu Patani dan tinggal di Beredung Budi sebelum berpindah dan membuka Belum; salah satu tempat di kawasan Hulu Perak. Tun Saban juga telah meneroka sebuah tempat yang dinamakan sebagai Relip Hati dan menjadi ketua di kawasan tersebut.<sup>12</sup> Beliau kemudian melantik adik perempuannya yang bernama Tun Perabu untuk menjadi ketua di Temong dengan gelaran Tok Temong atau dikenali juga sebagai Tok Puan Puteh.<sup>13</sup> Semasa Tun Saban menjadi ketua di Belum, kebanyakan kawasan Hulu Perak masih belum diteroka dan dipenuhi hutan belantara.

Selepas pemansuhan kerajaan Melayu di Beruas dan Manjung, negeri Perak pada ketika itu tidak mempunyai raja walau pun mempunyai penduduk yang ramai. Kebanyakan kawasan ditadbir oleh ketua-ketua tempatan sahaja. Penduduknya terdiri daripada pedagang-

pedagang yang datang dari segenap negeri misalnya Melaka, Selangor, Siak, Kampar dan Jambi. Bagaimana pun terdapat seorang ketua yang memiliki posisi penting dalam masyarakat negeri Perak bergelar Tok Masuka; seorang wanita yang berasal dari Daik. Sebelum meninggal dunia, beliau mewasiatkan agar pentadbirannya diwariskan kepada seorang raja yang berketurunan Sang Sapurba supaya warisan Raja-raja Bukit Siguntang dapat berterusan di Tanah Melayu. Bagi menyempurnakan wasiat tersebut, Tun Saban yang juga salah seorang ketua tempatan yang berpengaruh ketika itu pergi ke Kampar bersama anak angkat Tok Masuka iaitu Nakhoda Kassim bagi memohon salah seorang putera Sultan Mahmud Shah untuk dijadikan raja negeri Perak.

Sultan Mahmud Shah berkenan mengurniakan puteranya, Raja Muzaffar Shah untuk ditabalkan sebagai Sultan Perak pada tahun 1528.<sup>14</sup> Sehubungan itu, baginda menitahkan Raja Muzaffar Shah bergerak ke Perak dengan diiringi ahli rombongan. Turut dibawa bersama peralatan yang berupa alat-alat kebesaran iaitu sebilah pedang bernama *Cura Si Manja Kini*, keris, nobat, cap mohor kayu kempa yang berlorek perkataan “Sultan Muhamad Shah Dzil Allah Fil Alam” dan Surat Chiri.<sup>15</sup> Bagi meraikan pertabalan Raja Muzaffar Shah menjadi Sultan Perak yang pertama, Tun Saban dan Tok Temong bersama rombongan membawa hadiah daripada penduduk Hulu Perak. Rombongan mereka diiringi sebanyak tujuh puluh tujuh ekor gajah bagi menyambut ketibaan Raja Muzaffar Shah di Beting Beras Basah.<sup>16</sup> Turut bersama menanti ketibaan baginda adalah ketua-ketua tempatan yang memerintah daerah atau kawasan di sekitar negeri Perak. Semasa majlis pertabalan, Tok Temong mempersembahkan tangkal azimat Mestika Embun atau Geliga Embun kepada Sultan Muzaffar Shah dan dibalas dengan Puan Bujur iaitu sebuah tepak sirih oleh baginda Sultan sebagai penghargaan. Bagaimanapun Tok Temong menolak pemberian baginda Sultan tersebut sebaliknya memohon pengiktirafan dan kuasa untuk mentadbir bahagian sebelah kiri mudik Sungai Perak bagi beliau dan keturunannya. Manakala sebelah kanan mudik Sungai Perak pula kekal di bawah kuasa pemerintahan Sultan Perak dan sultan-sultan selepas Sultan Muzaffar Shah.<sup>17</sup> Pengkisahan ini selain diperturunkan secara lisan turut dicatatkan juga dalam laman web rasmi Pejabat Rasmi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Negeri Perak. Persetujuan sultan Perak merupakan satu pengiktirafan terhadap kekuasaan Tok Temong dan keturunannya ke atas bahagian hulu negeri Perak.

Salah satu ciri menarik dalam sistem pembesar di negeri Perak ialah setiap pemegang jawatan diberikan sebuah daerah untuk ditadbir. Pembesar yang dilantik bebas daripada kawalan orang besar lain tanpa mengambilkira kedudukan dan pangkatnya.<sup>18</sup> Dengan perakuan Sultan Muzaffar Shah tersebut, maka seluruh kawasan Temong hingga ke utara Hulu Perak diletakkan di bawah pentadbiran Tok Temong dan Tun Saban. Manakala waris kepada Tun Saban dianugerahkan gelaran Sri Adika Raja; satu gelaran bagi Pembesar Delapan negeri Perak yang berkuasa mentadbir bahagian Hulu Perak. Jawatan bergelar ini menjadi antara tunggak kebesaran pemerintahan kesultanan negeri Perak hingga ke hari ini.<sup>19</sup> Semasa inilah kawasan di wilayah Hulu Perak sering berhadapan dengan kemaraan penduduk Reman yang tinggal bersebelahan sempadan.

### **Hulu Perak di bawah pentadbiran British**

Perjanjian Pangkor yang dimeterai pada 20 Januari 1874 antara Raja Muda Abdullah yang berkuasa di Hilir Perak dan Sir Andrew Clarke, Gabenor Negeri-Negeri Selat telah menyaksikan satu perubahan besar dalam perkembangan politik negeri Perak.<sup>20</sup> Ironinya, walaupun Raja Muda Abdullah diangkat menjadi Sultan Perak dan mendapat sokongan beberapa pembesar Perak iaitu Temenggung, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana, Dato’

Sagor, Raja Bendahara, Syahbandar dan Raja Mahkota tetapi terpaksa pula menerima seorang residen bagi menasihati hal ehwal berkaitan pentadbiran negeri seperti yang terkandung dalam fasal ke enam perjanjian iaitu;

...hendaklah sultan itu menerima seorang besar British yang dinamai Residen dan mengadakan sebuah rumah yang patut akan tempat kediamannya maka orang besar ini hendaklah ada berkuasa dan terpakai dalam balai bicara sultan itu dan hendaklah dituntut apa-apa nasihat daripadanya dan mengikut ajaran yang pada apa-apa dalam segala perkara yang lain daripada perkara yang kena kepada agama dan adat-adat Melayu”<sup>21</sup>

Perjanjian tersebut secara praktiknya telah membuka ruang kepada British untuk mencampuri hal ehwal politik negeri Perak secara langsung sekali gus menyediakan peluang yang luas kepada pihak British untuk melebarkan pengaruh mereka. Selain urusan berhubung adat dan agama, residen diberi kuasa menasihati kerajaan Perak dalam semua perkara termasuklah hal pemungutan cukai dan aturan pemerintahan am. Dalam kata lain, negeri Perak sebenarnya ditadbir oleh British dengan pelantikan James Wheeler Woodford Birch atau J.W.W.Birch sebagai Residen yang pertama pada tahun 1875. Dalam sistem yang diperkenalkan oleh pihak British ini, residen memiliki kuasa untuk mengatur urusan dalam negeri, termasuk pengangkatan dan pemecatan pegawai negeri dan pengelolaan kewangan negeri. Residen juga mempunyai autoriti mengatur dasar-dasar yang sudah tentunya berkaitan dengan kepentingan British. Dengan adanya perjanjian tersebut, British secara efektif dapat mengawal pemerintahan di Perak dan memperluas pengaruhnya ke NNM yang lain.

Pelibatan British yang secara jelas mendominasi pentadbiran negeri Perak kemudiannya mengundang ketidakpuasan hati dalam kalangan pembesar dan Sultan Perak iaitu Sultan Abdullah sendiri. Misalnya dasar pemerintahan Birch yang dianggap merugikan kepentingan para pemimpin tempatan seperti limitasi dalam penggunaan hutan, pengenalan sistem pajak tanah dan kutipan cukai. Tindakan Birch tersebut dianggap mencampuri hal ehwal dalaman kerajaan Perak dan telah melangkaui batas tugas asalnya sebagai penasihat sultan. Kemarahan dan ketidakpuasan hati pembesar tersebut semakin memuncak apabila Birch dikatakan tidak langsung menghormati adat dan budaya tempatan sehingga mendorong kepada pembunuhannya pada 2 November 1875, setahun selepas pelantikannya sebagai residen Perak.<sup>22</sup>

Pembunuhan Birch ini menjadi titik awal konflik antara pihak kolonial British dengan pemimpin tempatan. Kesan pembunuhan tersebut telah mencetuskan siri peperangan yang dikenali sebagai Perang Perak antara bulan November 1875 hingga tahun 1876. Satu gerakan besar-besaran atas arahan Sir William Jervois telah dikerahkan untuk memburu pembesar terlibat yang melarikan diri hingga ke bahagian hulu negeri Perak seperti Sultan Ismail dan Dato' Maharajalela. Ekspedisi tersebut diletakkan di bawah tanggungjawab John. E. Hewick. Ekspedisi ini merupakan satu peluang bagi pihak British untuk meninjau kawasan di bahagian hulu negeri Perak. Hewick adalah pegawai British kedua menjejaskan kaki ke Hulu Perak selepas Kolonel Low; Gabenor Pulau Pinang yang pernah melawat Klian Intan dan Kroh pada tahun 1836.<sup>23</sup>

Kes pembunuhan J.W.W. Birch berjaya diselesaikan dengan penangkapan mereka yang terlibat. Siputum, Datuk Maharajalela, Datuk Sagor dan Pandak Endut dijatuhkan hukuman gantung sampai mati, sementara Sultan Abdullah pula dibuang negeri ke

Seychelles. Dengan tamatnya Perang Perak, perhatian pihak British mula bertumpu kepada pentadbiran Hulu Perak. Pada awalnya, pentadbiran Hulu Perak hanya dijalankan dari Kuala Kangsar dengan menurunkan pegawai-pegawai kerajaan secara berkala ke kawasan Kota Tampan dan Lenggong. Tetapi bermula pada 1 Januari 1888, Carlo Fernando Bozzolo telah dilantik sebagai pemungut cukai dan Hakim Daerah Hulu Perak. Pusat pentadbiran ketika itu ditempatkan di Janing atau kini dikenali sebagai Kenering.<sup>24</sup>

Pelantikan Bozzolo menandakan permulaan kepada pelebaran kuasa British ke bahagian Hulu Perak. Pihak British tidak membiarkan bahagian Hulu Perak ditadbir secara bebas oleh pembesar tempatan sebagaimana kerajaan Perak yang memberikan kuasa pentadbiran sepenuhnya kepada keturunan Tun Saban dan Tok Temong. Semasa Hulu Perak ditadbir oleh pihak British, kemaraan orang Reman berjaya dikekang. Selepas Bozzolo, jawatan Hakim Daerah yang menjalankan pentadbiran Hulu Perak bertukar silih berganti dalam kalangan pegawai British seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Sedikit demi sedikit kawasan yang dijajah oleh Reman diambil semula dan menjadi sebahagian daripada negeri Perak terutamanya ketika Hulu Perak di bawah pentadbiran Hubert Berkeley.

Jadual 1: Senarai Hakim Daerah/ Pegawai Daerah di Hulu Perak<sup>25</sup>

Bil	Nama Pegawai	Tarikh	Catatan
1.	Carlo Fernando Bozzolo	1 Januari 1888	-
2.	Hubert Berkeley	Mei-Oktober 1891	Memangku
3.	Carlo Fernando Bozzolo	November 1891- Mac 1899	-
4.	Dato' Sri Adika Raja Wan Muhamad Salleh		Memangku
5.	Carlo Fernando Bozziolo	1901 -1903	-
6.	H.A.Burgess	1903-1907	-
7.	Hubert Berkeley	1907-1914	-

Sumber: Disesuaikan daripada Azmi Mohamad, *Hubert Berkeley: Pentadbir British Yang Berjaya di Hulu Perak 1907-1926*, Tesis Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1985/86, hlm. 6-8.

## Sejarah Awal dan Pengasasan Reman

Hampir kebanyakan penulisan sejarah hanya menyentuh sedikit sahaja berkaitan negeri Reman. Penulisan para sarjana sebelum ini banyak memberikan tumpuan kepada kerajaan Patani memandangkan Patani merupakan sebuah nama besar dalam Alam Melayu serta sebuah pusat kekuasaan beraja yang penting semasa zaman kegemilangannya. Patani turut menjadi fokus utama para sarjana membabitkan isu nasionalisme NNM di bahagian selatan Thailand. Sehubungan itu, pensejarahan Reman sehingga kini kurang diberi perhatian kerana sering dirujuk sebagai sebahagian kecil daripada pensejarahan Patani. Kedudukan Reman dalam pensejarahan Hulu Perak dan seterusnya Tanah Melayu terutama sekali dalam isu yang berhubung dengan persempadanan tidak dapat dipinggirkan. Tuntutan wilayah di bahagian

utara Hulu Perak yang bersempadan dengan Reman telah dikemukakan secara rasmi oleh Raja Yusuf kepada pihak British dan memakan masa hampir 17 tahun untuk diselesaikan. Memandangkan negeri Reman merupakan sebahagian daripada wilayah yang pernah berada di bawah penguasaan Kerajaan Patani maka untuk meninjau sejarah negeri Reman tumpuan harus juga diberikan kepada perkembangan Kerajaan Patani yang menguasai bahagian selatan negara Thai itu.<sup>26</sup>

Sejarah awal pengasasan dan kewujudan negeri Reman ini adalah sangat kabur. Tiada satu catatan yang secara jelas mengisahkan asal penubuhan negeri ini, waris pemerintahnya dan segala yang berhubung salasilah negeri tersebut. Dalam catatan dokumen rasmi terutamanya surat menyurat antara British dan Siam, Reman turut dirujuk sebagai Raman, Rahman, Rhaman atau *The State of Rahman*. Sejarah Reman dibaca sebagai sebahagian daripada gugusan negeri-negeri di bawah penguasaan Kerajaan Melayu Patani sejak berkurun lama. Tumpuan ke atas Kerajaan Patani hampir menenggelamkan nama Reman itu sendiri. Bagaimana pun dalam *Tawarikh Raja Kota dalam Patani (Edisi Jawi)* ada menyebut tentang Reman yang berada di bawah kuasa Patani iaitu:

Bermula Raja Bersiong katanya berasal daripada Kedah dan berjalanlah baginda mengadap Kelantan dan lalulah baginda rata tempat.<sup>27</sup> Dan Raja Reman di bawah Raja Besar Patani itu ada anak perempuan puteri amatlah cantik dan Raja Bersiong itu pun berkahwinlah dengan Tuan Puteri Reman...<sup>28</sup>

Perkahwinan antara Raja Bersiong dengan Puteri Raja Reman telah melahirkan seorang putera bernama Raja Mayun. Apabila Raja Bersiong berangkat ke Kelantan, Puteri Raja Reman dan puteranya tinggal di sebuah tempat bernama Kampung Kota di mana mereka mendirikan sebuah kota dan menjadikannya sebagai kawasan pemerintahan. Raja Mayun kemudian menjadi ketua kota tersebut dengan gelaran Raja Kota. Peristiwa ini berlaku sekitar awal kurun ke-15, sebelum perang antara Siam dan Melaka di Batu Pahat pada tahun 1446 Masihi. Ketika perang meletus, Siam meminta bantuan Patani untuk melawan hulu balang Melaka. Rentetan itu, Patani mengirimkan angkatan tenteranya, termasuk dari negeri Reman.<sup>29</sup> Dalam peperangan tersebut, takhta Raja Kota yang diduduki oleh Raja Mayun diturunkan kepada anaknya, Raja Bongsu.<sup>30</sup> Catatan ini menunjukkan bahawa negeri Reman telah pun wujud sejak lama dahulu dan hubungan Reman-Patani telah berlangsung dalam konteks hubungan antara negeri naungan dan pemerintah lindungan sekurang-kurangnya sejak awal kurun ke-15. Konsep negeri lindungan ini ditunjukkan melalui kepatuhan pemerintah Reman terhadap arahan Kerajaan Patani walaupun secara fizikalnya negeri Reman lebih besar dan luas berbanding wilayah lain di Patani sebagaimana menurut W. Cameron dalam misi penjelajahannya ke Patani iaitu:

The provinces through which the Patani river flows (beginning at its source ) are Raman, Jalor, Nunchit or Nuchi [Nong Chik] and Patani, the last embracing country on the both sides of the river at kuala; the largest of these provinces is Raman, and the smallest Patani...<sup>31</sup>

Sehingga awal 1780-an, Reman sebenarnya masih berada di bawah pentadbiran Kerajaan Melayu Patani. Sehubungan itu, tidak hairanlah terdapat catatan-catatan yang merujuk Reman sebagai Patani tanpa menyebut tentang Reman dan orang Reman dirujuk juga sebagai orang Patani. Sehubungan itu, apabila Kerajaan Patani jatuh ke tangan Siam

pada tahun 1785, Reman juga turut menjadi jajahan Siam. Kekalahan Kerajaan Patani kepada Siam telah meletakkan Patani di bawah pengawasan Ligor (Nakhorn Sithammarat). Sejak itu Patani terpaksa menghantar bunga emas kepada Kerajaan Siam sebagai lambang ketuanan Siam. Pentadbiran Siam di Bangkok melantik Tengku Lamidin (1787-1791) sebagai Raja Patani tetapi baginda hanya berfungsi sebagai boneka Siam sahaja. Tengku Lamidin diberi gelaran sebagai *Pharaya Vichit Pakdi Surawangsa* akhirnya bangkit menentang Kerajaan Siam selepas empat tahun mentadbir Patani. Antara tindakan Tengku Lamidin yang menimbulkan kemarahan Siam adalah usahanya mempengaruhi pemerintah Annam (Vietnam); Raja Nguyen Anh (Ong Ching Swee) untuk menyerang Siam pada tahun 1789. Raja Nguyen Anh bagaimana pun tidak bersetuju bahkan mengadu pengkhianatan Tengku Lamidin kepada pihak Siam.<sup>32</sup> Mengikut perancangan asal Tengku Lamidin, Patani akan menyerang Siam dari bahagian selatan dan Annam dari sebelah utara. Implikasinya, pemerintah Siam, Rama I menghantar angkatan tenteranya untuk menyerang dan menewaskan Patani. Akibat kekalahan itu, Tengku Lamidin dijatuhkan hukuman bunuh pada tahun 1791.

Siam kemudiannya melantik Datuk Pangkalan (1791-1810) bagi menggantikan Tengku Lamidin dengan gelaran *Luang*. Pada kali ini Raja Patani tidak dibiarkan memerintah bersendirian. Seorang pembesar Siam iaitu Laksamana Dajang telah dilantik sebagai pesuruhjaya pentadbir negeri yang ditugaskan untuk mengawasi pentadbiran Raja Patani. Ianya sebagai langkah berwaspada Siam dan juga untuk mengimbangi kuasa orang Melayu. Namun pada tahun 1808, penentangan orang Melayu di bawah pimpinan Datuk Pangkalan berlaku akibat ketidakpuasan hati terhadap tindakan wakil Siam yang sering campur tangan dalam hal ehwal membabitkan pentadbiran dan pemerintahan Patani.<sup>33</sup> Rentetan itu, Datuk Pangkalan dan pengikutnya bertindak menyerang orang Siam yang berada di Patani manakala Laksamana Dajang melarikan diri ke Singgora. Tindakan Datuk Pangkalan ini telah menimbulkan kemarahan pihak Siam lalu menyerang Patani. Serangan pertama berjaya ditahan oleh pihak Patani dan memaksa pihak Siam berundur ke Ligor. Bagaimana pun pemberontakan Patani berakhir dengan pembunuhan Datuk Pangkalan dalam serangan kedua apabila Siam menukar strategi dengan menyerang Patani melalui jalan laut dan darat.


Kesibukan Kerajaan Siam menangani kebangkitan Patani telah memberi ruang kepada Reman di bawah kepimpinan Tuan Nik Loh Teh mengisytiharkan kemerdekaan Reman.<sup>34</sup> Dalam catatan Hubert Berkeley, nama pemimpin Patani tersebut adalah Tuan Loh Teh; ayahanda kepada Tuan Nik dan Al Marhum Raja Reman yang bernama Draman.<sup>35</sup> Beliau mengangkat dirinya sebagai Raja Reman yang pertama dan mengisytiharkan Reman bebas daripada pengaruh kuasa Patani. Patani dianggap telah berpaling tadah kerana terlalu tunduk kepada Kerajaan Siam dengan menerima pengesahan pelantikan dan pemilihan raja-raja dibuat oleh Kerajaan Siam. Keakuran tersebut tidak dapat diterima oleh Tuan Nik Loh Teh memandangkan selama ini Kerajaan Patani sentiasa berjuang menentang penguasaan Siam dan mempertahankan kedaulatan kerajaannya.

Tindakan Tuan Nik Toh Leh mengisytiharkan pemisahan dengan Patani tidak dipersetujui oleh pihak pentadbir Patani sehingga mencetuskan pergolakan besar antara Reman dan Patani. Polemik ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada kelemahan struktur pentadbiran Patani yang sedang berhadapan dengan serangan angkatan Siam akibat pemberontakan Tengku Lamidin dan Datuk Pangkalan. Keadaan ini telah membuka ruang kepada Siam untuk menjalankan penjajahan sepenuhnya ke atas Patani dan negeri-negeri di bawahnya.<sup>36</sup> Pada tahun 1816, Patani dengan mudah dikuasai oleh Siam dan dipecahkan kepada beberapa negeri.<sup>37</sup> Dasar '*divide and rule*' tersebut telah membahagikan Patani



kepada tujuh buah negeri kecil atau *hua muang* yang berasingan iaitu Nong Chik, Jambu, Jalor (Yala), Teluban, Legeh (Rangae), Patani dan Reman seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.<sup>38</sup>

Rajah 1: Pecahan Negeri Patani selepas 1816



Sumber: Ahmad Fathy Al Fatani, *Pengantar Sejarah Patani*, Alor Setar: Pustaka Darussalam, 1994, hlm. 58.

Antara tujuan Raja Rama II (1809-1824) melaksanakan dasar tersebut adalah untuk melemahkan kekuatan NNM Patani sebagaimana menurut Kobkua Suwannathat-Pian:

...Siam's anxiety over Pattani partly stemmed from the ability of Pattani to project itself as centre of religious teachings and Malay culture among northern Malay negeri...to forestall further opposition by Pattani, Rama I divided the Old Malay Kingdom into seven small muang and weekend the resources at Pattani disposal which had enabled the latter to defy Siamese authority almost at will.<sup>39</sup>

### Reman di bawah pemerintahan Siam.

Pada tahun 1816, Reman secara rasminya menjadi negeri yang berasingan daripada Patani akibat dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh pentadbiran Siam. Selepas pengasingan tersebut, perkembangan negeri Reman boleh dilihat dengan jelas tetapi masih juga tidak begitu signifikan dalam penulisan sejarah berhubung NNM selatan Siam. Fokus lebih banyak diberikan kepada Patani berdasarkan kredibiliti Patani sebagai sebuah kerajaan Melayu sebelumnya dan sebagai wadah pencetus semangat perjuangan orang Melayu. Bermula tahun 1816, dengan status *Khaek Jet Huamuang* atau *Seven Malay Principalities*, Reman dan enam NNM Patani yang lain ditadbir secara berasingan. Reman mempunyai kerangka pemerintahan sendiri merangkumi politik, ekonomi dan sosial meski pun taraf negeri ini diturunkan daripada negeri naungan kepada taraf wilayah sempadan Siam.<sup>40</sup> Bagaimana pun dalam urusan penggantian raja, kesemua negeri ini masih tertakluk kepada calon pilihan Bangkok. Setiap negeri dilantik seorang raja bergelar Phraya atau Gabenor seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Pemerintah yang dilantik hanya diberi kuasa gabenor wilayah sempadan secara minimum. Walaupun pemerintah Reman menganggap negerinya sebagai negeri yang bebas dengan mempunyai pentadbiran tersendiri dan terpisah daripada Patani tetapi hakikatnya Reman tetap berada di hujung telunjuk Siam. Kesemua negeri kemudiannya ini diletakkan di bawah pengawasan Songkhla yang merupakan wizurai Kerajaan Siam di bahagian selatan.<sup>41</sup>

Jadual 2: Tujuh Negeri Patani dan Pemerintah Tahun 1816

Negeri-Negeri Melayu Patani	Raja/Pemerintah	Pusat Pemerintahan
Patani	Tuan Sulong	Kota Gerisik
Nong Cik	Tuan Nik	Kota Nong Cik
Reman	Tuan Mansur	Kota Baru
Jalur	Tuan Jalur	Kota Jalur
Teluban	Nik Diah	Kota Jerengga
Legeh	Nik Dah	Kota Legeh
Jering	Nai Phya (Thai)	Kota Jambu

J.M. Gullick dalam makalahnya bertajuk *The Elephants of Syed Zain* menterjemah kuasa Raja Reman bermula daripada pembahagian Kerajaan Patani itu hanyalah sebagai:

... a very minor ruler, the equivalent of a Perak Chief rather than its Sultan. He [Raja Reman] and others like him in Southern Thailand lived as country gentlemen, augmenting their income by profitable activities such as trapping wild elephants.<sup>42</sup>

Raja Reman yang pertama dilantik oleh Kerajaan Siam adalah Tuan Nik Loh Teh atau dikenali juga sebagai Tuan Mansur. Ibu kota Reman telah dipindahkan dari Kampung Tera atau Seri Negeri semasa pemerintahan Datuk Pangkalan di Patani ke Kampung Kekabu. Selepas itu berpindah pula ke Bendang Riang sebelum kekal di Kota Bahru semasa zaman

pemerintahan Tuan Timun; Raja Reman ketiga.<sup>43</sup> Menurut W.W. Skeat, Tuan Nik Loh Teh mengakui dirinya sebagai raja yang tidak mempunyai asal usul. Bagi memperlihatkan sifat rendah diri, baginda lebih gemar menamakan anak-anaknya bersempena nama tumbuhan seperti Tuan Kundur, Tuan Jagong, Tuan Timun, Tuan Kunyit dan lain-lain.<sup>44</sup>

Sebaik sahaja Tuan Nik Loh Teh meninggal dunia pada tahun 1836, tempat beliau telah digantikan oleh Tuan Kundur atau Tuan Nik Ulu; anakanda Tuan Mansur dengan perakuan daripada Kerajaan Siam. Semasa pemerintahan beliau, Reman berjaya mengembangkan pengaruhnya secara serius dari sempadan Reman-Perak yang sedia ada menghala jauh ke arah selatan Perak. Usaha ini kemudiannya disambung oleh anakandanya iaitu Tuan Timun. Tiada catatan yang tepat tentang tarikh kemangkatan Tuan Kundur tetapi dipercayai sekitar tahun 1856; beberapa tahun selepas kemangkatan Raja Patani iaitu Sultan Muhammad.<sup>45</sup> Tuan Timun telah dipilih oleh Kerajaan Siam dan diberikan gelaran Phraya Rattanaphakdi. Semasa pemerintahan beliau, pusat pentadbiran Reman dipindahkan ke Kota Bharu.<sup>46</sup>

Selepas Tuan Timun, tugas sebagai raja Reman diambil alih oleh adiknya iaitu Tengku Abdul Kandis atau dikenali juga sebagai Tuan Jagong dengan gelaran yang sama iaitu Phraya Rattanaphakdi. Turut dilantik Tuan Bali Jawa (anakanda Tuan Timun) dan Tuan Lebeh (anakanda Tuan Jagong) sebagai Raja Muda Reman bagi membantu pentadbiran negeri Reman.

Jadual 3: Senarai Raja/ Pemerintah Reman<sup>47</sup>


Kedudukan Takhta	Raja/Pemerintah	Tahun Pemerintahan
Raja Pertama	Long Mansur atau Tuan Nik Loh Teh	1816-1836
Raja Kedua	Tuan Kundur atau Tuan Nik Ulu	1836-1858
Raja Ketiga	Tuan Timun atau <i>Phraya Rattanaphakdi</i>	1858-1870
Raja Keempat	Tuan Jagong atau Tengku Abdul Kandis	1870-1899
Raja Kelima	Tuan Lebeh Long Raya atau <i>Luang Raya Phakdi</i>	1899-1901

Sumber: Mohd Zamberi A. Malek, *Patani dalam Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994; Ibrahim Syukri, *History of the Malay Kingdom of Patani*, diterjemah oleh C.Bailey dan J.N. Miksic Athens, Ohio: Ohio University Center for International Studies, 1985.

Pada tahun 1890-an, pemerintah Siam iaitu Raja Chulalongkorn telah mengambil tindakan untuk menyusun semula dasar pentadbiran wilayah di Siam bagi menjimatkan perbelanjaan pentadbiran. Langkah penjimatan ini juga bertujuan mengukuhkan sumber pendapatan negara sebagai persediaan Siam berhadapan dengan kemaraan kuasa asing seperti British dan Perancis. Sehubungan itu melalui Menteri Dalam Negeri Siam iaitu Putera Damrong; Chulalongkorn telah memperkenalkan beberapa peraturan secara berperingkat. Antaranya penurunan taraf raja di kesemua *Khaek Jet Huamuang* kepada taraf pegawai kerajaan sahaja. Raja-raja ini tidak lagi mempunyai kuasa dalam sebarang pelantikan

melainkan dengan persetujuan Pesuruhjaya Tinggi Wilayah. Selain itu, mereka juga bakal kehilangan sebahagian daripada hasil negeri dan tidak dibenarkan terlibat dalam apa jua bentuk perniagaan mahu pun pemajakan cukai. Raja-raja negeri ini juga dilarang untuk mempunyai pendapatan lain selain gaji yang diberikan oleh Kerajaan Siam. Dalam kata lain, perubahan dasar ini bukan sahaja satu usaha untuk menghapuskan kedaulatan dan melumpuhkan kuasa raja-raja Melayu tetapi untuk pengukuhan kuasa pusat di bahagian selatan Siam. NNM Patani disusun semula menjadi dua bahagian iaitu Bahagian Sungai Teluban yang terdiri daripada Saiburi, Legeh dan Kelaba. Manakala Bahagian Patani pula adalah Patani, Nongchik, Reman dan Jala. Tuan Jagong merupakan Raja Reman yang terakhir dalam sejarah institusi raja negeri Reman. Baginda telah dilucutkan jawatan oleh Kerajaan Siam pada tahun 1902 kerana tidak bersetuju dengan pelaksanaan dasar Kerajaan Siam.<sup>48</sup> Reman kemudiannya disatukan di bawah wilayah Yala seperti yang ada pada hari ini (Rujuk Rajah 2).

Rajah 2: Bekas Negeri Patani



## **Pencerobohan Reman**

Untuk melihat punca persengketaan antara Hulu Perak dengan Reman, sejarah kehadiran orang Reman di bahagian hulu negeri Perak seawal pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin (1577-1584) perlu dikaji. Oleh kerana kedudukan geografi yang bersebelahan dengan Perak, Kedah dan Kelantan maka kebanyakan kawasan yang bersempadan telah menjadi tumpuan penghijrah dari negeri-negeri selatan Siam. Antaranya adalah kawasan perlombongan bijih timah di Klian Intan yang menjadi tumpuan kumpulan penghijrah dari negeri Reman. Kebanyakan lombong ini dikerjakan oleh orang Reman. Hasil perlombongan bijih timah ini telah menyumbang kepada kekayaan Kerajaan Perak pada ketika itu telah menarik minat kuasa luar terhadapnya. Antara kuasa luar tersebut adalah Aceh, Belanda, Siam termasuklah Patani.<sup>49</sup> Bagaimana pun kemewahan yang diperolehi terganggu dengan aktiviti penyeludupan hasil bijih timah yang diusahakan oleh orang Reman yang bekerja di lombong bijih di Klian Intan dan Kroh. Perbuatan ini berterusan sehingga Perak berhadapan dengan masalah kemerosotan ekonomi yang ketara semasa zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin. Pada dasarnya kemerosotan pendapatan Kerajaan Perak pada ketika itu adalah terkesan daripada penguasaan Aceh ke atas Perak. Kekalahan Perak tersebut telah menyebabkan Sultan Ahmad Tajuddin bukan sahaja tidak lagi memikirkan usaha-usaha untuk memajukan negeri Perak. Bahkan daerah-daerah yang jauh dari pusat pentadbiran baginda di Geronggong dibiarkan tanpa perhatian dan pengurusan yang baik.<sup>50</sup> Keadaan ini menyebabkan pembesar-pembesar yang dilantik walau pun masih tetap menjalankan tugas mengutip cukai bertindak tidak lagi menyerahkan hasil kutipan cukai secara konsisten kepada baginda Sultan Ahmad Tajuddin. Di samping itu, tempoh pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin yang agak singkat iaitu selama kira-kira tujuh tahun dan keterikatan baginda kepada Aceh juga menyukarkan baginda membuat perancangan memajukan Perak.<sup>51</sup>

Keadaan ekonomi Perak ini ditambah buruk oleh sikap orang Reman yang mengambil kesempatan mendulang bijih timah di kawasan Hulu Perak secara haram dan membawa hasilnya balik ke Reman. Kemasukan orang Patani termasuk Reman turut didorong oleh masalah dalaman yang dihadapi oleh Patani pada ketika itu. Kerajaan Patani sering kali berhadapan dengan ancaman Siam sejak zaman Ayuthia dan akhirnya pada tahun 1785, buat pertama kalinya Patani telah jatuh ke tangan Siam. Angkatan Siam dilaporkan telah menyerang Patani dan negeri-negeri di bawahnya dan melakukan huru hara. Penduduk Patani disiksa tanpa mengira latar belakang dan jantina. Kekejaman tentera Siam telah menyebabkan ramai penduduk NNM di bawah Patani tidak termasuk Reman memilih untuk berhijrah ke wilayah bersempadan merangkumi hulu Perak.

Selain itu, faktor kekuatan pertalian bangsa Melayu dan agama Islam sangat mempengaruhi penghijrahan ke Semenanjung Tanah Melayu. Justeru tidak hairanlah jika wilayah yang berhampiran sempadan dibanjiri dengan penghijrahan penduduk terutamanya dari negeri bersebelahan iaitu Reman. Bagaimana pun menurut Zamberi A. Malek, kemasukan orang Reman ini juga berpunca daripada ketiadaan sempadan fizikal yang jelas antara Hulu Perak dan Reman. Sempadan yang pernah ditandakan oleh Sultan Mansur Shah I (1549-1577) tidak diketahui oleh orang Patani. Sehubungan itu mereka masih menganggap kawasan tersebut adalah sebahagian daripada wilayah Patani.<sup>52</sup> Selepas tahun 1810, trend kemasukan orang Reman didasari oleh tujuan yang berbeza berbanding penghijrahan sebelumnya. Semasa Reman berada di bawah pemerintahan Tuan Nik Toh Leh, pihak Reman telah mula melebarkan sayap kuasa dan pengaruhnya dengan mara ke bahagian utara Hulu Perak yang bersempadan dengan negeri itu. Kekayaan mineral di lombong-lombong di kawasan Hulu Perak seperti Klian Intan, Klian Indah, Kroh, kawasan Belum dan

pergunungan yang bersempadan dengan Reman menjadi punca utama orang Reman terus mengintai peluang untuk menguasai kawasan Hulu Perak sehingga mengundang “*a petty border warfare*” antara keduanya sebagaimana menurut W.E. Maxwell:

The tin mines of Intan and Indah were within Perak territory...the mines were a constant source of discord between his cousin, Toh Lamboh (who then become Sri Adika Rajah) and the Patani Chiefs [Raja Reman], and a petty border warfare was the result...<sup>53</sup>

Pencerobohan orang Reman dinyatakan dalam pernyataan Andak Long Layang, anak perempuan kepada Toh Lamboh; pembesar Hulu Perak yang bergelar Sri Adika Raja dalam keterangannya. Beliau telah menceritakan bahawa orang yang telah membuka lombong bijih di Klian Intan dan Klian Indah adalah bapanya iaitu Toh Lamboh dan Pawang Sering; anak kepada Toh Lallang; bapa saudara Toh Lamboh.<sup>54</sup> Ketika itu bijih-bijih dibawa dari lombong-lombong di Kepayang, Sungai Rhuie [Sungai Rui] dan dari situ terus dibawa melalui Sungai Perak untuk dieksport. Menurut beliau lagi, sewaktu Hulu Perak berada di bawah pengawasan Toh Lamboh, orang Reman atau Patani sudah mula mendatangi dan cuba mengusir orang Perak dari kawasan perlombongan tersebut. Ini kerana mereka [orang Reman atau Patani] sudah melihat bijih timah sebagai komoditi yang begitu bernilai. Dalam tempoh ini sering berlaku peperangan antara Reman dan Perak kerana berebutkan kawasan perlombongan.

Dalam keterangan Toh Imaum Tapa pada 6 Mac 1883, sempadan utara Hulu Perak semasa Toh Lamboh menjadi Sri Adika Raja adalah di Gunung Bukit Panas atau Bukit Panei iaitu ke utara dari Klian Intan; antara Klian Intan dan Patani [merujuk kepada Reman]. Selepas beberapa waktu apabila lombong dibuka, orang Patani mula cemburu dengan kejayaan Toh Lamboh dan cuba merampas lombong-lombong tersebut.<sup>55</sup> Tetapi menurutnya [sebagaimana maklumat yang diterima daripada orang terdahulu oleh Toh Imaum Tapa] sepanjang Toh Lamboh masih hidup, orang Reman tidak pernah berjaya mendapatkan kawasan perlombongan tersebut. Bahkan Toh Lamboh sendiri telah berjaya meluaskan kuasanya hingga ke Lapang Nenering yang berada di bawah Reman dan membina kubu pertahanan di Kapas dan Kepayang bagi melindungi lombong-lombongnya. Kawasan perlombongan di Klian Intan dan Klian Indah tersebut diusahakan lebih kurang empat belas atau lima belas tahun sebelum berjaya dirampas oleh orang Reman.

Sekitar tahun 1790, pelaksanaan kuasa Sultan Perak ke atas daerah Hulu Perak termasuk Belum dan Tapong adalah sangat minima dan kurang jelas. Dalam kata lain, daerah ini kurang diberi perhatian oleh pentadbiran Kerajaan Perak dan tidak menjadi keutamaan kerajaan. Ini secara tidak langsung telah memberi peluang kepada orang Reman untuk mengaku kawasan Belum dan Tapong adalah hak milik mereka. Ini kerana pada tahun yang sama, Mengkong Wan Gas yang merupakan orang Melayu Legeh (Legeh juga sebahagian daripada wilayah Patani sama seperti Reman) bersama-sama sekumpulan pengikutnya telah membuka sebuah petempatan baru di Tapong yang terletak kira-kira tiga puluh batu ke hilir Belum.<sup>56</sup> Sebelum itu, Mengkong Wan Agas turut membuka semula kawasan Belum yang sudah menjadi hutan rimba selepas ditinggalkan oleh Tun Saban.<sup>57</sup> Beliau kemudiannya telah diberi pengiktirafan oleh Raja Reman dengan gelaran Mengkong; satu jawatan yang sama taraf dengan Penghulu. Semenjak itu, Belum berada di bawah penguasaan Reman dengan Mengkong Wan Agas sebagai wakilnya.<sup>58</sup>

Pengabaian Kerajaan Perak ke atas wilayah Hulu Perak ini berterusan sehingga awal kurun 19 terutamanya apabila Perak mempunyai masalah di bahagian selatan negerinya. Sejak 1805, semasa Perak di bawah pemerintahan Sultan Ahmaddin (1796-1806), Perak sering diserang oleh Selangor dan telah mengalami kekalahan. Akibatnya, Perak terpaksa berhadapan dengan tuntutan Selangor berhubung hak daerah taklukan perang iaitu utara dari Kuala Sungai Perak hingga ke Kuala Sungai Pelus. Keengganan Perak membenarkan tuntutan tersebut telah mengundang Perak ke kancah peperangan dengan Selangor sekali lagi. Walau pun kali ini kemenangan berpihak kepada Perak, namun ianya tidak juga dapat menggugurkan tuntutan Selangor terdahulu.

Kemelut negeri Perak ditambah dengan masalah politik dalam yang membabitkan pengganti Sultan Ahmaddin. Dalam tradisi Perak, penggantian sultan perlu disahkan oleh Bendahara dan penyerahan takhta dilakukan semasa pengkebumian sultan sebelumnya. Selepas kemangkatan Sultan Ahmaddin pada 1806 di Chegar Galah, jenazah baginda dibawa ke Sayong dan terbiar sehingga tiga bulan kerana keengganan Bendahara Raja Mahmud (putera Sultan Muhammadin) menghadiri upacara pengkebumian. Akhirnya, bagi menyempurnakan pengkebumian Sultan Ahmaddin, putera baginda iaitu Raja Abdul Malek telah dilantik sebagai pengganti dengan memegang gelaran Sultan Abdul Malek Mansor Shah (1806-1818) walau pun tidak mendapat perakuan Bendahara Raja Mahmud. Justeru, pentadbiran Perak terpecah kepada dua di mana Sultan Abdul Malek Mansor Shah mentadbir Perak dari Pasir Garam. Manakala bahagian Hulu Perak berada di bawah penguasaan Bendahara. Selain itu, Sultan Abdul Malek Mansor Shah turut berhadapan dengan tentangan Raja Ladin dan Laksamana Perak yang tidak bersetuju dengan pelantikannya sebagai sultan.<sup>59</sup> Di bahagian hulu Perak, perebutan kawasan sempadan tetap berterusan semasa Toh Trosok atau Tok Terosor menjawat tugas Sri Adika Raja menggantikan Toh Lamboh sebagaimana menurut W.E. Maxwell “*some times one party got possession of the mines and some times other...*”. Keadaan ini berterusan sehinggalah berlakunya Perang Perak-Kedah sekitar 1817 hingga 1818.<sup>60</sup>

Mengikut Hubert Berkeley, pada tahun 1810, Mengkong Jarum; saudara kepada Raja Reman telah mengisytiharkan pertuanan Reman di Kapas. Oleh kerana penduduk Kapas sudah lama berada di bawah pengaruh Perak iaitu sejak zaman Sri Adika Raja Toh Lamboh, maka penduduk Kapas tidak mahu menerima pertuanan Reman. Sehubungan itu, kedua pihak bersetuju menetapkan sempadan antara Reman dan Hulu Perak di bukit berhampiran. Sultan Abdul Malek Mansor Shah menyedari kedudukan kawasan perlombongan di Hulu Perak berhadapan dengan ancaman penyerapan pengaruh Reman dan bakal menggugat kuasa baginda. Namun baginda sendiri terpaksa menyelesaikan masalah yang melanda Perak terlebih dahulu berbanding menyekat kemaraan orang Reman. Kebimbangan Sultan Abdul Malek Mansor Shah ini juga kemudiannya memaksa baginda menghantar surat aduan berhubung pencerobohan orang Reman ke kawasan perlombongan di Hulu Perak kepada Sultan Kedah iaitu Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (1797-1843). Namun begitu aduan baginda tidak dihiraukan oleh Sultan Kedah.<sup>61</sup> Pencerobohan ini dianggap “*the first historical mention*” oleh Sir Hugh Low. Surat bertarikh 6 Ramadhan 1229 Hijrah bersamaan 22 Ogos 1814 Masihi ini menyebut tentang kemaraan orang Petani [Reman]:

Another cause of the delay in answering our child's letter is that the people of Patani have made an attack upon our tin mines by which we have suffered a great loss.<sup>62</sup>

Antara tahun 1817 hingga 1818, semasa Perak berhadapan pula dengan ancaman Kedah, Raja Reman Tuan Nik Toh Leh mengambil kesempatan untuk meluaskan pengaruhnya ke Hulu Perak termasuk Klian Intan yang kaya dengan bijih timah. Sejak itu, sempadan asal diubah sedikit demi sedikit sehinggalah Bukit Naksa, Berhala Bujuk seterusnya hingga ke Jeram Panjang. Perubahan sempadan ini tidak diambil tindakan oleh Kerajaan Perak memandangkan Perak sendiri sedang berhadapan krisis dalaman dan luaran. Setelah kemangkatan Sultan Abdul Malek Mansor Shah, takhta baginda diganti oleh puteranya iaitu Raja Abdullah yang memakai gelaran Sultan Abdullah Muazzam Shah (1819-1830). Pada tahun 1821, Siam atas hasutan Ligor telah menyerang Kedah sehingga memaksa Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah turun takhta dan melarikan diri ke Pulau Pinang untuk meminta bantuan British. Siam turut menyerang dan mengalahkan Perak serta mewajibkan penghantaran bunga emas setiap tahun kepada Kerajaan Siam “*as tokens of fealty*”. Namun dengan bantuan Selangor, Perak berjaya mengusir sejumlah orang Siam yang berada di Perak. Tetapi kemudiannya Perak terpaksa pula membayar ufti kepada Selangor. Bagaimana pun akhirnya pertuanan Siam ke atas Perak ini terhenti apabila Rama II membebaskan Perak selepas dihadiahkan seekor gajah yang mempunyai dua puluh jari kaki bernama Chapang Pileh (“*the chosen*”).

Setelah mendapat kebebasan dari Siam dan jaminan daripada Perjanjian Burney antara Siam dan British pada tahun 1826, Sultan Abdullah Muazzam Shah mengambil inisiatif untuk mengawasi dan menyekat kemaraan Reman. Baginda mengerahkan satu ketumbukan tentera yang diketuai oleh Datuk Seri Lela ke Hulu Perak dan berkubu di Kapas, Kuala Kepayang dan Kroh. Turut serta dalam rombongan tersebut adalah isteri Datuk Seri Lela iaitu Raja Andak. Raja Andak merupakan seorang wanita muda yang terkenal dengan kejelitaan bersama pengiring-pengiringnya berkubu di Kapas iaitu di Kota Kapis atau Kota Kapas.<sup>63</sup> Raja Andak yang merupakan adinda berlainan bonda kepada Sultan Abdul Malek Mansor Shah merangkap ibu saudara Sultan Abdullah Muazzam Shah telah dihantar sebagai wakil sultan untuk menjalankan rundingan dengan Raja Reman iaitu Tuan Nik Toh Leh.<sup>64</sup> Kehadiran angkatan Perak ini telah mengundang amarah dan memeranjatkan Raja Reman sehingga memaksa baginda berundur dari Kubu Kapas ke Klian Intan dan terus ke Kuala Kepayang. Baginda merancang untuk mendapatkan semula kawasan perlombongan tersebut dengan mengahwini Raja Andak yang diketahuinya tidak menyukai suaminya. Sikap Raja Andak yang gemar berkahwin cerai ini dilihat oleh Raja Reman sebagai satu peluang keemasan. Dengan itu Tuan Nik Toh Leh secara rahsia menghantar surat kepada Raja Andak antara lain meluahkan perasaannya kepada Raja Andak melalui rangkap pantun berbunyi:

Tetak nyireh galangkan dapor,  
Mari di-tetak dengan dahan-nya,  
Minta sireh barang sa-kapor,  
Mari minta dengan tuan-nya,

Ikan kepiat mudek ka-hulu,  
Lumba-lumba mudek sa-kawan,  
Sudah niat dari dahulu,  
Minta perhamba kapada tuan,

Lumba-lumba mudek sa-kawan,  
Mudek ka-teluk Tanjong Jati,  
Minta perhamba kapada tuan,  
Dari hidup sampai ka-mati.<sup>65</sup>



Pantun ini kemudiannya dibalas oleh Raja Andak sebagai tanda persetujuan menerima lamaran Tuan Nik Toh Leh berbunyi:

Anak ruan berlima-lima,  
Mati sa-ekor di-atas darat,  
Kasih tuan saya terima,  
Jadi hutang dunia akhirat,

Mati sa-ekor di atas darat,  
Di-sinar surya puteh mata-nya,  
Jadi hutang dunia akhirat,  
Sebab adinda sudah mempunya,

Di-sinar surya puteh mata-nya,  
Batang kenanga di-tepi telaga,  
Sebab adinda sudah mempunya,  
Saperti bunga di-lengkar naga.

Batang kenanga di-tepi telaga,  
Buat galah perahu Che' Nyonya,  
Saperti bunga di-lengkar naga,  
Charilah 'akal menyuntingnya.<sup>66</sup>

Perselingkuhan ini akhirnya mendorong kepada tragedi pembunuhan Datuk Seri Lela di Cheroh. Raja Andak dituduh sebagai pembelot oleh pengikut Datuk Seri Lela. Raja Andak kemudiannya melarikan diri menuju ke selatan Perak sebaik angkatan Raja Reman bersama tujuh puluh ekor gajah menghampiri Betong. Raja Reman yang murka telah mengejar Raja Andak hingga ke selatan Perak mengarah ke Bukit Naksa tetapi kemudiannya berpatah balik ke Betong dan menawan semula Klian Intan, Kroh dan Kota Kapas yang ditinggalkan oleh Raja Andak. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1815 dan ianya merupakan pelanggaran pertama oleh orang Reman ke atas Hulu Perak. Kawasan Kapas kemudiannya diletakkan dibawah pengawasan Toh Nang Sikuat, anak perempuan Raja Reman, Tuan Nik Toh Leh. Dalam kesibukan Perak menghadapi serangan luar dan konflik dalam negeri, bahagian Hulu Perak terus menjadi sasaran Reman.<sup>67</sup> Pada tahun 1824, sebanyak 47.7 tan bijih telah dikeluarkan daripada lombong bijih di Kroh oleh Reman dan telah dijual di Pulau Pinang. Mengikut Anderson, dilaporkan lombong di Kroh sahaja mengekspor lima puluh bahara dan Klian Intan sebanyak dua ratus bahara kepada Pulau Pinang. Menurutnya “...*tin was certainly being mined in the Patani States at Klian Endah, Klian Intan, Klian Mas, Ampat Ayer, Kroh and tin exports were second only to gold exports.*”<sup>68</sup> Kesemuanya diekspor menerusi Pulau Pinang yang mengamalkan dasar bebas yang mana sebelum itu terpaksa melalui Sungai Kuala Muda untuk mengelakkan lanun.<sup>69</sup>

Kawasan lombong Klian Indah, Klian Intan dan Kroh telah jatuh ke tangan Mengkong Wan Agas. Mengkong Wan Agas kemudiannya berjaya menguasai kawasan dari Tapong hingga ke Bendang Riang, bersedudukan dengan Krunei yang ketika itu berada di bawah pembesar Perak; Sri Adika Raja keenam iaitu Toh Trosoh. Anak Mengkong Wan Agas iaitu Wan Abdul Samad pula telah membuka petempatan di pinggir Sungai Tiang iaitu Mukim Temenggor, kira-kira empat puluh lima batu ke Ulu Grik. Sama seperti bapanya, beliau juga telah menerima pengiktirafan oleh Raja Reman sebagai Mengkong Temenggor

dan digelar sebagai Datok Tiang atau Toh Tiang. Kurniaan ini juga diwarisi oleh anaknya, Mengkong Jamal atau Jamang.

### **Pertempuran Perak-Reman**

Semasa pemerintahan Tuan Kundur atau Tuan Nik Ulu, terdapat beberapa pertempuran antara Reman dan Perak dalam isu sempadan. Kebanyakannya dimenangi oleh Reman di bawah pimpinan Mengkong Deleha, seorang pahlawan Reman yang terkenal. Pada tahun 1842 misalnya kematian ketua angkatan Perak, Raja Shahid di Kapas telah mendesak Sultan Perak ketika itu, Sultan Shahabuddin Shah (1831-1851) menghantar angkatan tenteranya diketuai oleh Raja Meor Abdullah. Angkatan Perak ini disambut oleh angkatan perang Mengkong Jarum iaitu Toh Nang Sikuat yang diketuai oleh menantunya bernama Mengkong Deleha dan bertempur di Lapang Nenering. Kemudian, pada tahun 1845, satu lagi angkatan perang Perak dihantar ke Hulu Perak untuk membantu namun ianya juga berakhir dengan kegagalan. Kemenangan Reman ini menyaksikan banyak korban dan Lapang Nenering menjadi kawasan perkuburan beramai-ramai.

Kekalahan angkatan Perak di Lapang Nenering mendorong Raja Reman iaitu Tuan Kundur bersama angkatan Mengkong Deleha mara ke Kuala Kenering. Angkatan Perak yang diketuai oleh Syaid Abdullah telah dikalahkan di Kuala Kua menyebabkan orang Perak berundur ke Kubu Temelong yang mempunyai simpanan bahan ledakan (ubat bedil). Namun dengan strategi menyamar sebagai orang Perak, Mengkong Deleha telah berjaya mencuri bahan ledakan tersebut dan menggunakannya dalam pertempuran dengan angkatan Perak di Pasir Jambai. Peperangan Reman-Perak ini dikenali sebagai Perang Jambai.<sup>70</sup> Kemenangan Reman kali ini telah mengubah sempadan dari Jeram Rimau ke Jeram Panjang. Selepas Perang Jambai ini, Kerajaan Perak tidak lagi berusaha untuk mengambil semula kawasan-kawasan di Hulu Perak yang terlepas ke tangan Reman walaupun semasa J.W.W. Birch memegang jawatan residen Perak, aduan tentang pencerobohan orang Reman di utara Hulu Perak pernah diajukan oleh pemimpin Perak ketika itu. Aduan yang sama juga telah sampai kepada gabenor NNS, Sir Andrew Clarke.<sup>71</sup>

Secara keseluruhannya terdapat sebanyak tiga kali pencerobohan oleh Reman ke atas Hulu Perak. Kali pertama menyaksikan kejatuhan kawasan-kawasan perlombongan di sekitar Kapas semasa zaman Raja Reman, Tuan Nik Toh Leh. Kali kedua semasa Reman di bawah Tuan Kundur. Kali ini sempadan Reman Perak menganjur hingga ke Bukit Naksa, ke selatan Perak dan Kernei menjadi sebahagian daripada Reman. Bagi memastikan pengukuhan kuasanya berterusan, Tuan Kundur telah mengahwinkan anak perempuannya Tuan Labu dengan Tuan Bugis, anak pemimpin Kernei (anak pelarian Patani iaitu Tuan Tong; pengasas kedua Kernei). Perubahan terakhir sebelum isu sempadan ini diusulkan kepada British adalah selepas Perang Jambai yang mana sempadan Jeram Rimau dianjakkan ke Jeram Panjang. Ini bermakna, bermula dari Ulu Kua melewati Klian Dua Belas sehingga ke Temanggoh menjadi milik Reman. Toh Tiang dari Belum dijadikan Mengkong di Temanggoh sebagai wakil pemerintah Reman. Sempadan ini kekal hinggalah perkara ini diusulkan kepada Residen British di Perak pada tahun 1882.

## Kesimpulan

Kesimpulannya sebelum tahun 1882, perebutan wilayah membentuk hubungan politik antara Hulu Perak dan Reman. Walau pun kawasan Hulu Perak telah berjaya diambil oleh Reman tetapi pentadbiran Perak tidak pernah memperakunya. Penafian tersebut ditunjukkan melalui siri-siri serangan yang telah dihantar oleh pihak Perak. Namun kelemahan pembesar Melayu Perak yang berebutkan kuasa memerintah akhirnya menyebabkan kawasan pertikaian diduduki oleh pihak Reman tanpa ada tindakan susulan sama ada penafian dalam bentuk verbal mahu pun fizikal pada peringkat awal. Sehubungan itu, bolehlah dikatakan kehilangan bahagian utara Hulu Perak ini bukanlah semata-mata kerana kekuatan Reman atau dasar perluasan kuasa oleh Raja Reman tetapi turut didukung oleh kecuaihan pihak pentadbir Perak sendiri. Tuntutan wilayah yang dikemukakan oleh kerajaan Perak terhadap Kerajaan Siam melalui British merupakan satu peluang keemasan di samping turut dianggap sebagai “...*a test of power to protect Malays and the measure of British influence...*”.<sup>72</sup>

## Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya kerana membantu dan memberi galakan dalam penulisan ini

---

## Biodata

\* **Shuwaibah Rasidi** ([shuwaibah@siswa.um.edu.my](mailto:shuwaibah@siswa.um.edu.my)) (corresponding author) merupakan kakitangan akademik di Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh dan merupakan calon Ph.D di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya-sepatutnya PhD.

\*\* **Zulkanain Abdul Rahman** ([zulkana@um.edu.my](mailto:zulkana@um.edu.my)) merupakan Prof. Madya di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

Received: 15 April 2023

Reviewed: 21 Jun 2023

Accepted: 30 September 2023

## Nota

<sup>1</sup> Kesemua *changwat* atau wilayah yang disebutkan dahulunya merupakan sebahagian daripada Kerajaan Melayu Patani. Mohd Zamberi A.Malek, “Patani Dalam Tamadun Melayu”, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994, hlm. 6-7.

<sup>2</sup> Mohd Supian bin Sabtu, “Tanah Melayu Dari Sudut Arkeologi: Antara Petempatan Dan Persempadanan”, in *Kumpulan Kertas Kajian Bengkel Pengesahan Fakta Sejarah: Persempadanan Negeri-Negeri Di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, 2004, hlm. 30-43.

<sup>3</sup> Lihat Meor Ahmad Noor Mior Hamzah, “Konsep Sempadan Negeri dalam Masyarakat,” *JATI: Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 6, 2001, 69–70. Antara teks yang diteliti adalah Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Kedah, Undang-undang 99 dan Hukum Kanun Pahang. Manakala karya sastera sejarah pula terdiri daripada Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah, Salasilah Perlis, Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Hang Tuah, Salasilah Perlis, Misa Melayu, Hikayat Seri Kelantan, Hikayat Patani, Hikayat Raja Pasai, Hikayat Banjar, Hikayat Pahang, Hikayat Johor dan Hikayat Siak.

<sup>4</sup> Mr. Meade kepada Sir J. Pauncefote, Julai, 1882, FO422/81, Lampiran 4 dalam No.1. (3-4).

<sup>5</sup> Lampiran No.16, CO kepada FO, 17 Julai 1889, CO 273/241.

<sup>6</sup> Kekayaan Raja Reman terhasil daripada perlombongan bijih timah dan baginda turut memiliki jumlah gajah yang banyak. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada waris Raja Reman yang terakhir iaitu Tuan Jagong iaitu Tengku Idris bin Tuan Syed (cicit), raja Reman telah menjadikan kawasan yang kini dikenali sebagai Tasek Takong di Pengkalan Hulu sebagai tempat gajah miliknya berkubang dan mandi-manda.

<sup>7</sup> Nurul Izzati Md Mustafa et al., "Hubungan Gajah Dengan Orang Melayu (Di Semenanjung Tanah Melayu): Tumpuan Terhadap Aspek Sosial," dlm. *Conference: 23rd Conference of the International Association of Historians of Asia 2014 (IAHA)At: TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah, Malaysia, 2014*, hlm. 1603–17.

<sup>8</sup> Tuntutan kerajaan Perak tersebut dikemukakan kepada Sir Frederick Weld. Seterusnya dimajukan kepada Lord Kimberley yang mengetuai Pejabat Tanah Jajahan (CO) di London bertarikh 3 Jun 1882. Lihat Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 3 Jun 1882, CO 273/115, hlm. 7-27. Surat yang sama boleh dirujuk dalam Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, No.222, 3 Jun 1882 salinan CO kepada FO, 28 Julai 1882, FO 69/82.

<sup>9</sup> Di Hulu Perak, antara kawasannya ialah Kota Tampan dan Gua Badak. Ketika ini, hampir kesemua fakta berhubung penemuan arkeologi boleh didapati di Muzium Arkeologi di Lenggong, Perak.

<sup>10</sup> Buyong Adil, *Sejarah Perak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981, hlm.6.

<sup>11</sup> Ahmad Atory b. Hussain, *Sejarah Hulu Perak 1880-1941*, Tesis Ijazah Sarjana Muda, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974, hlm.6. Terdapat sedikit perbezaan mengenai jumlah anak-anak Tun Saban. Mengikut Abdullah Hj. Musa (Lubis), Tun Saban mempunyai enam orang anak sahaja. Tun Bongsu tidak ada dalam salasilah yang disusun oleh beliau. Manakala Tun Kelalang disebut sebagai Tun Klang dan Tun Kelewang dieja sebagai Tun Kelawang.

<sup>12</sup> Sesetengah catatan menyebut tempat tersebut adalah Relap Reli.

<sup>13</sup> Lihat laman web <http://sultan.perak.gov.my/index.php/informasi-kesultanan/sejarah/tok-temong>

<sup>14</sup> Mengikut artikel Mohd Idris Sulaiman, Raja Muzaffar Shah adalah cucu kepada Sultan Mahmud Shah, putera kepada anakandanya yang bernama Raja Ahmad. Raja Ahmad berkahwin dengan Puteri Onang Kening, anakanda Raja Kelantan. Lihat Mohd Idris Sulaiman, "Beting Beras Basah Kawasan Keras" dalam *Berita Minggu*, 18 Mac 2007, hlm. 10.

<sup>15</sup> Lihat laman web <http://sultan.perak.gov.my>

<sup>16</sup> Beting Beras Basah yang terletak di Kuala Sungai Perak (di Bagan Datoh ) dan merupakan tempat penting dalam upacara adat istiadat pertabalan Sultan-sultan Perak. Lihat laman web <http://sultan.perak.gov.my/english/beting.htm>. Lihat juga Mohd Idris Sulaiman, "Beting Beras Basah Kawasan Keras", hlm. 10.

<sup>17</sup> Zakiah Hanum, *Asal-usul Negeri-negeri di Malaysia*, Kuala Lumpur: Times Books International, 1989, hlm. 56.

<sup>18</sup> Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984, hlm. 24.

<sup>19</sup> Tun Saban meninggal dunia dan dikebumikan di Changkat Merah dan dikenali juga sebagai Keramat Tok Merah.

<sup>20</sup> Mohammad Azmi, N. S., "Peranan British dalam Pembangunan Ekonomi dan Sosial di Jajahan Dinding, 1874-1942," *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 28. No. 2, 2019, pp. 1-20.

<sup>21</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, Ipoh, Perak: Yayasan Perak, 2005, hlm. 13.

<sup>22</sup> Birch telah dibunuh ketika beliau sedang mandi dengan kerjasa Dato Maharaja Lela dan rakan-rakannya iaitu Datuk Sagor, Siputum, Pandak Endut, Laksamana Mohamad Amin, Ngah Ibrahim, Ngah Jabor dan lain-lain. Turut terbunuh dalam kejadian tersebut adalah kerani Melayu Birch bernama Mat Arshad. Abdullah Zakaria Ghazali, "Pembunuhan J.W.W. Birch: Suatu Kajian Tentang Pembunuhannya," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 1979, hlm. 59-72.

<sup>23</sup> Azmi Mohamad, *Hubert Berkeley: Pentadbir British Yang Berjaya di Hulu Perak 1907-1926*, Tesis Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1985/86, hlm. 5.

<sup>24</sup> Azmi Mohamad dalam kajiannya menyebut tarikh peralihan Carlo Fernando Bozzolo sebagai Pemungut Cukai dan Hakim Daerah Hulu Perak adalah pada 1 Januari 1885 ketika pusat pentadbiran telah berada di Janing. *Ibid*, hlm. 6. Mengambil kira sumber lain yang menyebut pembukaan Janing sebagai pusat pentadbiran Hulu Perak adalah sekitar tahun 1886, maka tarikh peralihan 1 Januari 1888 adalah lebih relevan.

<sup>25</sup> Senarai ini disusun sehingga H.A. Burgess, pegawai daerah yang bertugas dalam tahun berlakunya penyerahan sebahagian wilayah Reman kepada Kerajaan Perak.

<sup>26</sup> Nama Thailand hanya diguna pakai selepas tahun 1939 bagi menggantikan nama lamanya iaitu Siam.

- <sup>27</sup> Raja Bersiong atau Raja Ong Maha Perita Deria merupakan pemerintah Kedah terkenal dengan sikapnya yang gemar meminum darah dan hati rakyat. Lihat Mohd Supian Sabtu, *Tamadun Awal Lembah Bujang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm.12
- <sup>28</sup> Haji Abdul Rauf b. Muhamad Dagang Agong, *Tawarikh Raja Kota dalam Patani (Edisi Jawi)* Kuala Lumpur: Khazanah Al Fataniah, 2002, hlm. 7.
- <sup>29</sup> Ibid.
- <sup>30</sup> Raja Kota atau nama sebenarnya Raja Mayun adalah cucu kepada Raja Reman; anak kepada Puteri Raja Reman dengan Raja Bersiong. Lihat Haji Abdul Rauf b. Muhamad Dagang Agong, *Tawarikh Raja Kota*, hlm. 8.
- <sup>31</sup> W. Cameron, "On The Patani", *JSBRAS*, June, 1883, hlm. 123.
- <sup>32</sup> Ahmad Fathy Al-Fatani, *Pengantar Sejarah Patani*, Alor Setar, Kedah: Pustaka Darul Salam, 1994, hlm. 56.
- <sup>33</sup> Untuk melihat lebih lanjut penentangan Patani terhadap Siam, sila rujuk Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*, Bangi : Penerbit UKM, 1999. Lihat juga juga Mohd Zamberi A. Malek, *Patani dalam Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994. dan Ibrahim Syukri, *History of the Malay Kingdom of Patani*, diterjemah oleh C.Bailey dan J.N. Miksic Athens, Ohio: Ohio University Center for International Studies, 1985.
- <sup>34</sup> Reman dikatakan sebuah republik yang pertama di Nusantara Melayu. Mohd Zamberi A. Malek, *Umat Islam Patani: Sejarah dan Politik*, Shah Alam, Selangor: Penerbit Hizbi, 1993, hlm. 104.
- <sup>35</sup> Lihat *Office Diary of Hubert Berkeley* , hlm. 86. Dalam kebanyakan sumber yang menulis tentang Patani, menyebut Raja Reman yang pertama adalah Tuan Mansur atau disebut juga sebagai Tuan Nik. Tuan Mansur hanya menaiki takhta secara rasmi selepas perpecahan wilayah Patani pada 1816 dan raja yang diiktiraf oleh Kerajaan Siam. Catatan Berkeley juga menyebut Raja yang sama [Tuan Loh Teh] berhubung kejadian Raja Reman dengan Raja Andak, yang digelarinya sebagai "The Lady of Kapas" sedangkan dalam sumber-sumber lain menyatakan bahawa peristiwa tersebut berlaku antara Raja Reman I iaitu Tuan Nik Loh Teh (tahun juga berlainan). Mengambil kira tahun berlaku peristiwa iaitu pada 1815, bolehlah disimpulkan kenyataan Berkeley adalah benar. Individu yang digelar Tuan Loh Teh oleh Berkeley dengan Tuan Nik Loh Teh, ayahanda Tuan Nik adalah orang yang sama. Kelainan ejaan nama ini tidak dapat dielakkan kerana penulisan oleh pegawai British dipengaruhi telor pengucapan mereka. Selain itu, banyak perbezaan dari segi ejaan terutamanya dalam rekod-rekod kolonial, urusan surat menyurat dan pemetaan. Bagaimana pun penulis tidak menemui sebarang catatan tentang Raja Reman yang dinamakan sebagai "*the late Raja Draman of Reman*" dalam catatan Hubert Berkeley. Situasi ini seperti mengesahkan bahawa sejarah awal negeri Reman sememangnya kabur.
- <sup>36</sup> Patani merupakan sebuah kerajaan Melayu yang kuat di bawah pemerintahan Raja-raja Perempuan iaitu Ratu Hijau (1584-1616), Ratu Biru (1616-1624), Ratu Unggu (1624-1636) dan Ratu Kuning (1636-1650). Lihat Abd Halim Bashah, *Raja Campa & Dinasti Jembal dalam Patani Besar: Patani, Kelantan & Terengganu*, Kubang Kerian, Kelantan: Pustaka Reka, 1994, hlm. 86-117. Bagaimana pun semasa pemerintahan Ratu Kuning, kekuatan Kerajaan Patani merosot apabila Ratu Kuning berhadapan tekanan akibat kecurangan suaminya dengan seorang penari Mak Yong. Ratu Kuning akhirnya telah berjaya dikalahkan oleh Raja Sakti, waris keluarga Diraja Jembal. Selepas itu Patani berada di bawah pemerintahan Raja-raja Kelantan. Patani dan Kelantan digabungkan dan dikenali sebagai Kerajaan Patani Besar. *Ibid*, hlm. 129-134.
- <sup>37</sup> Kerajaan Patani pada abad ke 17 meliputi daerah Patthalung, Singgora, Patani, Pengkalan Datu sehingga menjangkau ke Terengganu. Negara ini digelar Patani Besar yang dibangunkan oleh Raja Sakti (1650-1679). Ahmad Fathy Al Fatani, *Pengantar Sejarah Patani*, Alor Setar: Pustaka Darussalam, 1994, hlm. 29. Manakala keluasan pengaruh Patani sebelum kejatuhannya ke tangan Siam pada tahun 1785 menurut beliau meliputi daerah-daerah yang kini digelar sebagai Narathiwat, Yala, Patani, sebahagian Songkla, sebahagian besar daerah Hulu Perak iaitu Pengkalan Hulu, Lenggong, Kenering, Grik, Selama dan Rantau Panjang selain beberapa kawasan yang kini berada di bawah pengaruh Kelantan iaitu Jeli, Air Panas dan Batu Lintang. *Ibid.*, hlm. 53.
- <sup>38</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*, hlm. 20.
- <sup>39</sup> Kobkua Suwannathat-Pian, *Thai-Malay Relations: A Study of the Traditional Intra-Regional Relations of the 17<sup>th</sup> to the Early 20<sup>th</sup> Century*, Thesis Phd, Universiti Sains Malaysia, 1986, hlm. 391-392.
- <sup>40</sup> Kobkua Suwannathat-Pian, *Sejarah Thai Zaman Bangkok*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 93.
- <sup>41</sup> Pelantikan Songkhla ini sebenarnya sebagai langkah mengurangkan pengaruh Ligor (Nakhorn) yang dilihat oleh Siam mula menggugat pentadbiran Siam di Bangkok. Kobkua Suwannathat-Pian, "Thai-Malay Relations: A Study of the Traditional Intra-Regional", hlm. 392.
- <sup>42</sup> J.M.Gullick, "The Elephants of Syed Zain", *JMBRAS*, Vol. 59, Part 1, 1986, hlm. 115.
- <sup>43</sup> Lihat catatan nota kaki dalam W.W. Skeat, "The Cambridge University Expedition to the North-Eastern Malay States and Upper Perak 1899-1900", *JMBRAS*, Vol. 26, Part. 4, hlm. 86

<sup>44</sup> Salasilah Raja Reman dipercayai berasal dari keturunan anak buluh; iaitu bayi yang ditemui dalam ruas buluh yang besar dan seluruh keturunannya dilarang memakan rebung. *Ibid.* Manakala panggilan *Tuan* pula merupakan gelaran penghormatan yang besar dalam masyarakat Melayu Patani ketika itu.

<sup>45</sup> Sultan Muhammad merupakan anakanda Raja Muda Kampung Laut yang berasal dari keturunan Raja-raja Kelantan. Telah berlaku perselisihan dalam kalangan kerabat diraja dengan Tuan Senik Mulut Merah di Kelantan. Sebagai jalan penyelesaian, Kerajaan Siam telah mengangkat Tengku Muhammad menjadi Raja di Patani menggantikan Nik Yusuf. Nik Yusuf pula dibawa ke Jering untuk memenuhi kekosongan takhta Raja Jering yang telah mangkat.

<sup>46</sup> Kota Bharu ini digambarkan menyamai keluasan bandar Kuala Kangsar, Perak dan merupakan satu daerah yang paling besar di dalam wilayah Patani. Kenyataan Raja Gumbas dalam FO422/8, hlm.49.

<sup>47</sup> Mengikuti catatan Hubert Berkeley, raja negeri Reman berjumlah seramai enam orang yang mana Tuan Jagong adalah raja Reman yang terakhir. Perbezaan yang ketara adalah Long Abdullah dan Long Teh. Jika informasi daripada Berkeley tepat bermakna keduanya memerintah Reman dalam masa yang sangat singkat iaitu pada tahun-tahun lewat 1830-an kerana Tuan Kundur atau Tuan Nik Ulu mula memerintah pada awal 1840-an hingga akhir 1850-an. Philip King, *From Periphery to Centre*, PhD Tesis, School of History and Politics, University of Wollongong, 2006, hlm. 259. Terdapat juga catatan lain yang menyebut tahun pelantikan Tuan Kundur adalah pada tahun 1836. Raja Razman Raja Abdul Hamid (ed.), *Hulu Perak Dalam Sejarah*, Ipoh: Regina Press, 1963, hlm. 15.

<sup>48</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai & Masyarakat Islam di Selatan Thailand*, Alor Setar: Pustaka Darul Salam Sdn.Bhd., 2000, hlm. 66.

<sup>49</sup> Ancaman Siam ini berterusan sehingga termeterainya Perjanjian Burney 1826 yang berjaya menamatkan kekuasaan Siam. Perjanjian ini menyaksikan pengiktirafan kuasa Siam ke atas NNM Utara Semenanjung Tanah Melayu

<sup>50</sup> Geronggong merupakan sebuah kampung yang terletak di tebing sebelah kiri Sungai Perak, berhampiran dengan daerah kecil Kampung Gajah, Perak. Kampung Geronggong termasuk dalam Mukim Pasir Salak. Maklumat lanjut lihat laman web <http://pdtkampunggajah.perak.gov.my>.

<sup>51</sup> Sultan Ahmad Tajuddin mangkat pada tahun 1584 dengan gelaran Marhum Muda. Lihat A. Halim Nasir, *Sejarah Perak*, hlm. 128.

<sup>52</sup> Mohd Zamberi A. Malek, *Patani dalam Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994, hlm. 42.

<sup>53</sup> W.E. Maxwell, 'A Journey on Foot to the Petani Frontier', *Journal of Straits Branch of The Royal Asiatic Society*, Vol.9, 1882, hlm. 36-37.

<sup>54</sup> Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, jawatan Sri Adika Raja telah dikurniakan oleh Baginda Sultan Perak kepada keturunan Tun Saban yang berkuasa di Hulu Perak. Ianya bagi mengenang jasa Tun Saban. Toh Lamboh merupakan Sri Adika Raja yang kelima. Keturunan Tun Saban yang mula-mula sekali mendapat gelaran ini ialah Alang Idris (Tok Jawang), kemudiannya Toh Broloh (Tok Berolak). Selepas itu diwarisi oleh anak Toh Broloh iaitu Toh Lallang (Sri Adika Raja ketiga) dan Toh Senda Alu atau Tok Senalu (Sri Adika Raja keempat). Tok Senalu adalah bapa kepada Toh Lamboh. Selepas Toh Lamboh, gelaran ini dikurniakan kepada Toh Trosoh atau Tok Terosor. Lihat kenyataan Andak Long Layang dalam hlm.24, Inclosure 4 in No. 11, FO 422/8, Sir Hugh Low kepada Sir F. Weld, 5 April 1882.

<sup>55</sup> FO 422/8, Kenyataan Toh Imaum Tapa, Penghulu Pulo Kamiri, 6 Mac 1883.

<sup>56</sup> Untuk keterangan yang lebih jelas lihat *Office Diary of Hubert Berkeley*, District Officer of Upper Perak 1900-1908, hlm. 85.

<sup>57</sup> Wan Agas atau Mengkong Gas adalah individu yang sama.

<sup>58</sup> Ahmad Atory b. Hussain, "Sejarah Hulu Perak 1880-1941", hlm. 9.

<sup>59</sup> Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1984, hlm. 32- 38.

<sup>60</sup> Maxwell, 'A Journey on Foot to the Petani Frontier', hlm. 36-37.

<sup>61</sup> FO422/8, Mr. Satow kepada Earl Granville, 9 Jun 1884.

<sup>62</sup> Memorandum oleh Sir Hugh Low on the Question of Rectification of Boundary between "Perak" and the Siamese of "Reman". Inclosure 2 In No. 15, FO 422/8, Mr. Meade kepada Mr. Currie, 29 Oktober 1884.

<sup>63</sup> Terdapat tiga perkara yang berbeza berhubung Raja Andak. Pertama, hubungan kekeluargaan beliau dengan Sultan Perak. Menurut buku Patani dalam Tamadun Melayu, Raja Andak atau Raja Nandak adalah adinda kepada Sultan Abdul Malik Mansur Shah yang berkahwin dengan anak Raja Siak. Lihat Mohd Zamberi A. Malek, *Patani dalam Tamadun Melayu*, hlm. 45. Tetapi dalam tesis Ahmad Atory yang menjelaskan bahawa Raja Andak adalah anakanda Sultan Abdullah Muazzam Shah (1825-1830). Dalam kajian ini, didapati Raja Andak atau Raja Nandak yang dimaksudkan oleh Zamberi A. Malek merujuk kepada Raja Mandak yang berkahwin dengan Raja Syed Hitam, anak Raja Siak. Berdasarkan salasilah tersebut Raja Andak adalah adinda Sultan Abdul Malek Mansor Shah tetapi daripada ibu yang berlainan. Bondanya adalah seorang wanita dari

Sungai Siput yang bernama Che Sinuh. Menerusi perkahwinan tersebut dan melahirkan seorang putera yang kemudiannya ditabalkan menjadi sultan Perak iaitu Sultan Ismail. Lihat Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873*, hlm.33. Perkahwinan Raja Andak ini diatur oleh Sultan Abdullah Muazzam Shah, Sultan Perak selepas Sultan Abdul Malek Mansor Shah. Rujuk W.E. Maxwell, 'The History of Perak From Native Sources', hlm 315. Berhubung tulisan Ahmad Atory, tiada sebarang sumber yang menyatakan bahawa Sultan Abdullah Muazzam Shah mempunyai anakanda yang bernama Raja Andak. Percanggahan kedua adalah berhubung pemerintah Perak yang menghantar angkatan Raja Andak ke Hulu Perak untuk berunding dengan Raja Reman. Dalam tulisan Mohd Zamberi, angkatan Raja Andak dihantar semasa zaman Sultan Abdul Malek Mansor Shah dan ketika itu beliau telah pun berkahwin dengan Raja Syed Hitam. Namun maklumat yang ditulis dalam buku Hulu Perak Dalam Sejarah menyebut angkatan Raja Andak diutuskan oleh Sultan Abdullah Muazzam Shah. Ketika itu Raja Andak merupakan isteri kepada Datuk Seri Lela. Maklumat yang berlainan berkaitan nama suami Raja Andak bukanlah sesuatu menghairankan kerana Raja Andak dikatakan telah berkahwin sebanyak 13 kali sebelum bertemu jodoh dengan Datuk Seri Lela. Perbezaan ketiga adalah tahun pemerintahan sultan. Ahmad Atory mencatatkan tahun pemerintahan Sultan Abdullah Muazzam Shah adalah antara 1825-1830 sedangkan baginda mula mentadbir pada tahun 1819-1830. Lihat Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873*, hlm.33. Kekeliruan mungkin timbul dalam soal Raja Andak ini kerana sepanjang pengamatan semasa kajian ini dilaksanakan, nama Raja Andak atau Raja Mandak ini sangat popular digunakan dalam keluarga diraja Perak. Rujukan lanjut tentang salasilah keturunan diraja Perak lihat Maxwell, *The History of Perak From Native Sources*, hlm. 305-321.

<sup>64</sup> Di dalam catatan Hubert Berkeley, Raja Andak disebut juga sebagai Puteri Andak; seorang kerabat diraja yang sebelumnya merupakan seorang janda. Raja Andak ini kemudiannya berkahwin pula dengan anak salah seorang Menteri Perak. Lihat Office Diary of Hubert Berkeley, District Officer of Upper Perak 1900-1908, hlm.86. Jika berdasarkan catatan Berkeley ini, Raja Andak yang dimaksudkan adalah adinda Sultan Abdul Malek Mansor Shah yang berlainan ibu. Bonda Raja Andak adalah wanita Sungkai yang bernama Toh Nah binti Toh Samban. Raja Andak berkahwin dengan Raja Kassim, anak kepada Marhum Pulau Juwar iaitu Raja Chulan; salah seorang pembesar Perak. Jika Berkeley menyatakan bahawa Raja Andak terkenal dengan kejelitaannya maka tidak hairanlah kecantikan ini diwarisi pula oleh anakandanya iaitu Raja Nutih Meh Salamah yang digambarkan sebagai 'great beauty'. Lihat Maxwell, "The History of Perak From Native Sources, hlm. 3.

<sup>65</sup> Raja Razman Raja Abdul Hamid (ed.), *Hulu Perak Dalam Sejarah*, hlm 13.

<sup>66</sup> Ibid, hlm.13-14.

<sup>67</sup> Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873*, hlm. 33-38.

<sup>68</sup> Nicholas N. Dodge, 'Mineral Production on the East Coast of Malaya', *Journal of Malayan Branch of The Royal Asiatic Society*, Vol. 50, Part 2, 1977, hlm. 100.

<sup>69</sup> Sultan Kedah telah mengenakan cukai sebanyak \$20.00 bagi satu bahara yang dibawa melalui Kuala Muda.

<sup>70</sup> FO 422/8, Kenyataan oleh Raja Idris, No. 18, 5 April 1884.

<sup>71</sup> Memorandum oleh Sir Hugh Low, 18 Julai 1885, No. 11, FO 422/9.

<sup>72</sup> CO 273/132, hlm.465.

## Rujukan

### Sumber Pertama

CO 273/115, Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 3 Jun 1882.

CO 273/132

CO 273/241, Lampiran No.16, CO kepada FO, 17 Julai 1889.

FO 69/82, Salinan CO kepada FO, 28 Julai 1882,

FO 422/8, Kenyataan oleh Raja Idris, No. 18, 5 April 1884.

FO 422/8, Kenyataan Toh Imaum Tapa, Penghulu Pulo Kamiri, 6 Mac 1883.

FO 422/8, Mr. Meade kepada Mr. Currie, 29 Oktober 1884.

FO 422/8, Sir Hugh Low kepada Sir F. Weld, 5 April 1882.

FO422/8, Mr. Satow kepada Earl Granville, 9 Jun 1884.

FO422/9, Memorandum Sir Hugh Low, 18 Julai 1885.

FO 422/81, Mr. Meade kepada Sir J. Pauncefote, Julai, 1882.

*Office Diary of Hubert Berkeley*, District Officer of Upper Perak 1900-1908.

### Sumber Kedua

Abd Halim Bashah, *Raja Campa & Dinasti Jembal dalam Patani Besar: Patani, Kelantan & Terengganu*, Kubang Kerian, Kelantan: Pustaka Reka, 1994.

Abdul Rauf b. Muhamad Dagang Agong, *Tawarikh Raja Kota dalam Patani (Edisi Jawi)* Kuala Lumpur: Khazanah Al Fataniah, 2002.

Abdullah Zakaria Ghazali, "Pembunuhan J.W.W. Birch: Suatu Kajian Tentang Pembunuhannya," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 1979.

Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, Ipoh, Perak: Yayasan Perak, 2005.

Ahmad Atory b. Hussain, *Sejarah Hulu Perak 1880-1941, Tesis Ijazah Sarjana Muda*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974.

Ahmad Fathy Al-Fatani, *Pengantar Sejarah Patani*, Alor Setar, Kedah: Pustaka Darul Salam, 1994.

Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai & Masyarakat Islam di Selatan Thailand*, Alor Setar: Pustaka Darul Salam Sdn.Bhd., 2000.

Azmi Mohamad, *Hubert Berkeley: Pentadbir British Yang Berjaya di Hulu Perak 1907-1926, Tesis Ijazah Sarjana Muda*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1985/86.

Buyong Adil, *Sejarah Perak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981.

Cameron, W., "On The Patani", *JSBRAS*, June, 1883.

Dodge, Nicholas N. 'Mineral Production on the East Coast of Malaya', *Journal of Malayan Branch of The Royal Asiatic Society*, Vol. 50, Part 2, 1977.

Gullick, J.M., "The Elephants of Syed Zain", *JMBRAS*, Vol. 59, Part 1, 1986.

Ibrahim Syukri, *History of the Malay Kingdom of Patani*, diterjemah oleh C.Bailey dan J.N. Miksic Athens, Ohio: Ohio University Center for International Studies, 1985.

Kim, Khoo Kay, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984.

King, Philip, *From Periphery to Centre*, PhD Tesis, School of History and Politics, University of Wollongong, 2006.



Maxwell, W.E., 'A Journey on Foot to the Petani Frontier', *Journal of Straits Branch of The Royal Asiatic Society*, Vol.9, 1882.

Meor Ahmad Noor Mior Hamzah, "Konsep Sempadan Negeri dalam Masyarakat," *JATI : Journal of Southeast Asian Studies*, No. 6, 2001.

Mohammad Azmi, N. S., "Peranan British dalam Pembangunan Ekonomi dan Sosial di Jajahan Dinding, 1874-1942," *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 28. No. 2, 2019, pp. 1-20.

Mohd Idris Sulaiman, "Beting Beras Basah Kawasan Keras" dlm. *Berita Minggu*, 18 Mac 2007.

Mohd Supian Sabtu, *Tamadun Awal Lembah Bujang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

Mohd Zamberi A. Malek, *Patani dalam Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994.

Mohd Zamberi A. Malek, *Umat Islam Patani: Sejarah dan Politik*, Shah Alam, Selangor: Penerbit Hizbi, 1993

Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*, Bangi : Penerbit UKM, 1999. Mohd Zamberi A. Malek, *Patani dalam Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

Nurul Izzati Md Mustafa et al., "Hubungan Gajah Dengan Orang Melayu (Di Semenanjung Tanah Melayu): Tumpuan Terhadap Aspek Sosial," dlm. *Conference: 23rd Conference of the International Association of Historians of Asia 2014 (IAHA)At*:

Raja Razman Raja Abdul Hamid (ed.), *Hulu Perak Dalam Sejarah*, Ipoh: Regina Press, 1963.

Skeat, W.W., "The Cambridge University Expedition to the North-Eastern Malay States and Upper Perak 1899-1900", *JMBRAS*, Vol. 26, Part.4, hlm. 86

Suwannathat-Pian, Kobkua, *Thai-Malay Relations: A Study of the Traditional Intra-Regional Relations of the 17<sup>th</sup> to the Early 20<sup>th</sup> Century*, Thesis Phd., Universiti Sains Malaysia, 1986.

Suwannathat-Pian, Kobkua, *Sejarah Thai Zaman Bangkok*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

Zakiah Hanum, *Asal-usul Negeri-negeri di Malaysia*, Kuala Lumpur: Times Books International, 1989.

<http://pdtkampunggajah.perak.gov.my>.

<http://sultan.perak.gov.my>